

**SULIT**

3756/2

Prinsip

Perakaunan

Ogos

2011

2 ½ jam

3756/2



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab semua soalan di Bahagian A dan dua soalan daripada Bahagian B.*
3. *Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan adalah dibenarkan.*
4. *Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.*
5. *Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.*
6. *Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

**BAHAGIAN A**  
[60 markah]  
Jawab **semua** soalan.

Arahan: Bahagian ini mengandungi 3 soalan.

1. (a) Baki-baki yang berikut diperolehi daripada Perniagaan Sarah pada 30 April 2011.

	RM
Tunai di bank	10 400
Premis	35 000
Penghutang	4 800
Pemiutang	8 650
Stok	5 800
Pinjaman	18 000

Kirakan:

- (i) Modal pada 30 April 2011 [2 markah]
- (ii) Nisbah semasa [2 markah]

- (b) Berikut adalah maklumat Perniagaan Kamal.

2011		
Jun 1	Membeli barang niaga daripada Perniagaan Zura	RM4 500
10	Menjelaskan semua hutangnya dengan cek	?

Diskaun tunai : 10%, 7 hari 5%, 15 hari
--

Berdasarkan maklumat di atas, jawab soalan-soalan berikut:

- (i) Hitungkan amaun yang perlu dibayar oleh Perniagaan Kamal. [2 markah]
- (ii) Apakah tujuan diskaun niaga dan diskaun tunai diberi kepada pelanggan? [2 markah]
- (iii) Bagi urus niaga pada 1 Jun 2011, nyatakan dokumen dan buku catatan pertama yang terlibat. [2 markah]

2. Azman, Lim dan Raju adalah pekongsi dalam Perkongsian Muhibbah.

Perjanjian perkongsian adalah seperti berikut:

- (i) Faedah atas modal 10% setahun
- (ii) Faedah atas ambilan 5% setahun
- (iii) Faedah atas pinjaman pekongsi 8% setahun
- (iv) Gaji tahunan Azman dan Lim ialah RM2 000 dan RM1 000
- (v) Untung atau rugi dibahagikan mengikut nisbah modal

Berikut adalah Imbangan Duga Perkongsian Muhibbah pada 31 Disember 2010

	Debit RM	Kredit RM
Pada 1 Januari 2010:		
Modal : Azman		40 000
Lim		30 000
Raju		10 000
Akaun Semasa: Azman		1 400
Lim		1 100
Raju	800	
Kenderaan (kos)	70 000	
Alatan Pejabat (kos)	16 450	
Perabot (kos)	12 100	
Pinjaman Lim		10 000
Ambilan : Azman	1 500	
Lim	2 000	
Penghutang	8 150	
Pemiutang		5 400
Bank		4 730
Gaji Azman	1 000	
Belian dan jualan	36 400	53 170
Stok pada 1 Januari 2010	10 600	
Faedah atas pinjaman	300	
Sewa		6 900
Insurans	5 250	
Kadar bayaran	1 800	
Diskaun diberi	300	
Pulangan belian		450
Susut nilai terkumpul kenderaan		3 500

[Lihat sebelah

**SULIT**

**4**

**3756/2**

**Maklumat Tambahan:**

- (i) Stok pada 31 Disember 2010 bernilai RM9 700 pada harga kos dan RM10 800 pada harga pasaran
- (ii) Insurans RM480 masih belum tamat tempoh
- (iii) Raju membuat ambilan barang RM1 000 pada 1 Julai 2010
- (iv) Sewa diterima bulanan ialah RM800 sebulan
- (v) Kenderaan disusut nilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Penyata Pendapatan Perkongsian Muhibbah bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 [11 markah]
- (b) Akaun Semasa bagi setiap pekongsi (beruangan) [5 markah]
- (c) Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2010 [9 markah]

**SULIT**

5

3756/2

3. Kelab Kebajikan Taman Sri Kaseh telah ditubuhkan sepuluh tahun yang lalu di Jelebu Negeri Sembilan. Berikut adalah maklumat perakaunan kelab tersebut bagi tahun berakhir 31 Disember 2010.

Penerimaan sepanjang tahun 2010 :

	RM
Sewa dewan	1 680
Kutipan Majlis Makan Malam	5 540
Yuran ahli	17 280
Bayaran masuk	2 100

Pembayaran sepanjang tahun 2010 :

	RM
Belanja membaiki rumah kelab	1 500
Akhbar dan majalah	285
Belanja Majlis Makan Malam	4 300
Lawatan	1 000
Perabot baru	840
Kadar bayaran	420
Insurans	960
Alat tulis	190
Kursus dan motivasi	800

**Maklumat Tambahan :**

- (i) Aset dan liabiliti kelab tersebut adalah seperti berikut:

	1 Januari 2010	31 Disember 2010
	RM	RM
Rumah kelab	65 000	65 000
Perabot	2 520	?
Stok alat tulis	55	33
Bank	10 200	?
Kadar bayaran terakru	77	290
Yuran ahli tertunggak	510	-
Yuran ahli terdahulu	360	270
Akhbar dan majalah terakru	-	75

- (ii) Perabot disusut nilaikan 20% setahun atas kos.
- (iii) Insurans yang dibayar adalah untuk tempoh setahun berakhir 31 Mac 2011.
- (iv) Bayaran masuk hendaklah dianggap sebagai penerimaan modal.

[Lihat sebelah

**SULIT**

**6**

**3756/2**

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Akaun Yuran Ahli [3 markah]
- (b) Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 [8 markah]
- (c) Penyata Menghitung Dana Terkumpul pada 1 Januari 2010 [3 markah]
- (d) Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2010 [11 markah]

**BAHAGIAN B**

[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan sahaja.

4. Maklumat di bawah menunjukkan data penggajian 3 orang pekerja di Perniagaan Global bagi bulan April 2011.

Butir	Chandran	Johan	Anis
	RM	RM	RM
Gaji Pokok	2 600	3 200	1 900
Elaun Lebih masa	200	150	100
Potongan Cukai Berjadual	85	110	-
PERKESO	15	-	10

**Maklumat tambahan :**

- (i) Majikan memberi komisen 15% atas jualan melebihi RM20 000. Jualan bagi Chandran ialah RM26 000, Johan ialah RM28 000 dan Anis ialah RM16 000
- (ii) Kadar caruman pekerja dan majikan kepada KWSP masing-masing ialah 11% dan 12%.
- (iii) Caruman kepada PERKESO bahagian majikan ialah RM90.

**Anda dikehendaki :**

- (a) Menghitung gaji bersih setiap pekerja bagi bulan April 2011 dalam bentuk jadual yang lengkap [9 markah]
- (b) Menghitung caruman kepada KWSP (bahagian majikan) bagi setiap pekerja bagi bulan April 2011 [3 markah]
- (c) Tunjukkan catatan dalam Akaun Gaji dan Akaun Bank [5 markah]

"Kesan penggajian dalam bentuk upah terhadap pendapatan individu adalah tidak tetap"

- (d) Berdasarkan pernyataan di atas, nyatakan faktor-faktor yang menyebabkan pendapatan individu menjadi tidak menentu. [2 markah]
- (e) Nyatakan 2 kaedah pembayaran gaji oleh majikan kepada pekerja. [1 markah]

[Lihat sebelah  
SULIT

5. Encik Halim, pemilik Perniagaan Bakti yang beroperasi di Nilai, Negeri Sembilan ingin memulakan perniagaan menjual cenderamata pada 1 Mac 2011. Anggaran wang masuk dan wang keluar yang telah dibuat oleh beliau adalah seperti berikut:

(i) Encik Halim membawa masuk tunai sebanyak RM40 000 sebagai modal pada 1 Mac 2011.

(ii) Anggaran jualan bagi tiga bulan pertama ialah:

	RM
Mac	5 200
April	6 300
Mei	7 400

(iii) Dijangka 30% daripada jualan adalah secara tunai dan bakinya diberi sebulan kredit.

(iv) Harga belian ialah 50% daripada harga jualan dan semua belian adalah dibuat secara kredit untuk tempoh 30 hari.

(v) Sebuah komputer bernilai RM2 500 akan dibeli pada bulan Mac.

(vi) Encik Halim juga telah bercadang untuk membeli sebuah mesin sulam pada bulan April dengan harga RM9 000. Kadar susut nilai mesin sulam tersebut adalah 15% atas kos.

(vii) Kadar bayaran pada bulan Mac adalah RM700 dan dijangka akan meningkat 10% daripada bulan sebelumnya.

(viii) Perbelanjaan bulanan :

	RM
Upah pekerja	1000
Sewa kedai	700

(ix) Urus niaga tunai yang sebenar sepanjang tiga bulan berakhir 31 Mei 2011 ialah:

	RM
Jualan tunai	9 000
Kadar bayaran	1 990
Upah pekerja	3 100
Penerimaan daripada penghutang	6 100
Bayaran kepada pemiutang	5 400

(x) Jumlah sebenar modal, belian komputer, belian mesin sulam, upah pekerja dan sewa kedai adalah sama dengan jumlah yang telah dianggarkan.

**Anda dikehendaki menyediakan:**

- (a) Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Mei 2011 [16 markah]  
 (b) Penyata Belanjawan Tunai dan Varian bagi tiga bulan berakhir 31 Mei 2011. [4 markah]

6. Puan Jenny, pemilik Kedai Bunga Jenny tidak menyimpan rekod perakaunan mengikut sistem catatan bergu.

Ringkasan Buku Tunai pada 31 Mac 2011 adalah seperti berikut :

Buku Tunai (ruangan Bank)			
	RM		RM
Baki b/b	6 661	Insurans	1 500
Jualan	11 770	Belian	6 600
Modal Tambahan	2 800	Pemiutang	15 100
Penghutang	29 300	Ambilan	3 100
Komisen	420	Gaji	3 550

**Maklumat tambahan :**

(i)

	1 April 2010	31 Mac 2011
	RM	RM
Kenderaan	55 000	51 000
Penghutang	5 355	6 806
Pemiutang	3 100	3 840
Stok	9 530	8 760
Gaji terakru	400	-
Gaji terdahulu	-	600

- (ii) Ambilan barang niaga bernilai RM170 sebulan untuk kegunaan keluarga belum direkod
- (iii) Pulangan oleh pelanggan adalah RM500 dan pulangan kepada pembekal adalah RM600

**Anda dikehendaki menyediakan :**

- (a) Akaun Kawalan Penghutang dan Pemiutang [ 5 markah]
- (b) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Mac 2011 [ 9 markah]
- (c) Kunci Kira-kira pada 31 Mac 2011 (tunjukkan modal kerja) [ 6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT